

## Ops Benteng: Peranan Agensi Keselamatan dalam Mengawal Sempadan Negara Semasa Situasi Pandemik Covid-19

### *Ops Benteng: The Role of a Security Agency in Overseeing National Borders During the Covid-19 Pandemic Situation*

SHAHRIZAL SA'AD\*, MOHD IKBAL MOHD HUDA

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: rizal1450@yahoo.com.my

Received: 10 August 2023

Accepted: 03 September 2023

#### Abstrak

Antara strategi negara-negara di seluruh dunia bagi membendung penularan pandemik Covid-19 pada awal tahun 2020 adalah melalui pelaksanaan penutupan sempadan yang bertujuan bagi mengekang kemasukan manusia yang berisiko membawa wabak ini. Strategi penutupan dan kawalan sempadan oleh Malaysia dilaksanakan dengan pewujudan Ops Benteng (Operasi Benteng) melalui Pasukan Petugas Nasional (*National Task Force* - NTF) di mana aktiviti pemerdagangan manusia dan penyeludupan telah berlaku secara berleluasa di sempadan darat dan maritim yang menjadi isu keselamatan negara sebelum melandanya wabak ini. Oleh itu, ianya membawa kepada satu situasi dan cabaran baru dalam tugas dan tanggungjawab agensi keselamatan sempadan Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan agensi keselamatan yang terlibat dalam Ops Benteng dengan menilai sejauh mana koordinasi dan cabaran yang dihadapi oleh NTF semasa melaksanakan langkah-langkah kawalan sempadan. Kaedah kajian dilaksanakan melalui temubual dengan pegawai dari Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kajian ini akan menjadi yang pertama dalam mengartikulasikan tugas dan tanggungjawab serta kerjasama antara agensi kawalan sempadan dan cabaran yang dihadapi dalam struktur tadbir urus keselamatan. Hasil kajian mendapati isu bekerja secara silo dan karenah birokrasi merupakan antara faktor yang menghalang kecekapan koordinasi dan ianya perlu diatasi melalui peningkatan kerjasama bersepadu antara agensi.

Kata kunci: Pandemik Covid-19; Ops Benteng; Pasukan Petugas Nasional; Peranan Agensi Keselamatan; Koordinasi dan Cabaran

#### Abstract

The immediate response by countries worldwide to curb the spread of Covid-19 pandemic in early 2020 was through the implementation of border lockdown, minimizing human movements. Malaysia launched Ops Benteng (Fortress Operation) via National Task Force (NTF) as the country faced high risk transmission through under-detected illegal movements of people across the land and maritime borders. Human trafficking and smuggling has been a great concern before the pandemic, and thus posing unprecedented challenge to the Malaysian border security agencies. This paper aims to analyze the role of security agencies involved in Ops Benteng, the extent of coordination and challenges faced by NTF while implementing the border control measures. The methods include structured interview with officials from Ministry of Defence (MINDEF), the Home Ministry (KDN), and the National

Security Council (NSC). This study will be the first in articulating duties and responsibilities, as well as cooperation between border control agencies and challenges faced in security governance structures. The author argues that the dilemma of compartmentalizing problems by the agencies working in silo and the bureaucratic hurdles that impede coordination efficiencies need to be addressed by all involved stakeholders and the implementation efficiency can be further enhanced by an integrated cooperation framework.

Keywords: Covid-19 Pandemic; Ops Benteng; National Task Force; The Role of Security Agencies; Coordination and Challenges

## Pengenalan

Pada tahun 2019, pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia telah membawa perubahan besar kepada pendekatan dan strategi negara dalam membendung wabak penyakit tersebut. Salah satu strategi yang dilaksanakan oleh Malaysia adalah melalui penutupan sempadan bagi menghalang kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang berkemungkinan membawa wabak tersebut ke dalam negara. Isu keselamatan sempadan khususnya melibatkan penyeludupan dan pencerobohan PATI telahpun menjadi cabaran kepada negara sebelum pandemik Covid-19 lagi. Kelemahan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan sempadan terutamanya dari aspek penyelarasan antara agensi-agensi keselamatan telah menjadikan pelaksanaan strategi ini bertambah sukar. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan *National Task Force* (NTF) bagi memantapkan aspek penyelarasan antara agensi keselamatan, seterusnya dapat meningkatkan operasi kawalan dan penguatkuasaan di sempadan menerusi Operasi Benteng (Ops Benteng). Sejak ditubuhkan pada 2020, NTF telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyelaraskan semua aktiviti kawalan dan penguatkuasaan sempadan melibatkan pelbagai agensi keselamatan. Antara agensi utama dalam NTF adalah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) manakala 12 lagi agensi lain bertindak menyokong pelaksanaan Ops Benteng. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis peranan dan tanggungjawab agensi-agensi keselamatan yang terlibat dalam Ops Benteng serta meneroka isu dan cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi tersebut dalam mengawal sempadan negara sepanjang pandemik Covid-19.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana data primer diperolehi melalui sesi temubual dengan pegawai-pegawai dari MINDEF, KDN dan MKN serta analisis dokumen dari laporan agensi kerajaan, minit mesyuarat dan pengalaman pengkaji sendiri sebagai pegawai yang pernah terlibat sebagai sekretariat NTF semasa bertugas di MKN. Dalam pada itu, data sekunder pula diperolehi melalui jurnal dan artikel yang ditulis oleh sarjana-sarjana lepas bagi menerangkan situasi semasa keselamatan di sempadan darat dan maritim Malaysia serta isu-isu keselamatan khususnya yang melibatkan penyeludupan dan pencerobohan PATI. Selain itu, pengkaji turut mengaplikasikan konsep keselamatan sempadan yang diketengahkan oleh K Laitinen<sup>1</sup>, Rey Koslowski<sup>2</sup> dan Karine Cote-Boucher<sup>3</sup> serta konsep kerjasama keselamatan yang diketengahkan oleh Ersel Aydinli<sup>4</sup> dan Otwin Marenin dan Arif Akgul<sup>5</sup> dalam memahami senario keselamatan sempadan Malaysia.

## **Pendekatan Dan Strategi Negara Luar Dalam Menguruskan Sempadan Semasa Situasi Pandemik Covid-19**

Bagi menangani masalah-masalah yang timbul disebabkan ancaman pandemik Covid-19 ini, beberapa pendekatan dan strategi telah diambil oleh negara luar terutamanya tindakan penutupan sempadan yang dilaksanakan di seluruh dunia. Sebagai contoh, pada 17 Mac 2020, buat pertama kali dalam sejarah, Kesatuan Eropah telah menutup semua sempadan luarnya dalam usaha untuk membendung penularan pandemik Covid-19.<sup>6</sup> Begitu juga dengan tindakan yang diambil oleh Rusia yang menutup sempadannya dengan negara China.<sup>7</sup> Kemudian, wilayah tanpa sempadan seperti rantau ECOWAS (*Economic Community of West African States*) di Afrika Barat dan rantau EAC (*East African Community*) di Afrika Timur juga bertindak menutup sempadannya bagi membendung ancaman penularan Covid-19.<sup>8</sup>

Pada masa yang sama, banyak negara telah menyekat kemasukan pelancong warga China ke negara mereka bagi mengelak virus merebak ke dalam negara. Apabila wabak semakin teruk, *World Health Organization* (WHO) telah mengumumkan Covid-19 pada 11 Mac 2020 sebagai pandemik dan menyarankan agar semua negara mengambil tindakan kawalan penyakit termasuk menutup sempadan negara.<sup>9</sup> Penutupan sempadan terhadap perdagangan dan pergerakan orang menjadi penting dalam membendung penularan virus yang berterusan.<sup>10</sup>

Namun ada juga negara yang tidak mengambil tindakan tersebut atas faktor tertentu seperti hak asasi manusia dan ekonomi. Sebagai contoh, Rusia pada gelombang kedua wabak tahun 2020, telah membuka semula sempadannya disebabkan ianya sukar kerana terlalu merosakkan ekonomi Rusia.<sup>11</sup> Ini menunjukkan bahawa Rusia hanya menutup sempadannya pada gelombang pertama wabak tersebut sahaja. Selain itu, wilayah seperti Republik Dominican, Amerika Utara tidak pernah menutup sempadannya semasa pandemik Covid-19 atas faktor ekonomi yang mana wilayah ini terkenal dengan pantainya yang indah dan menerima kehadiran mencecah jutaan pelancong setiap tahun. Selain itu, atas dasar kemanusiaan, Republik Dominika membenarkan pelancongnya seperti warga Ukraine untuk terus menetap atas faktor simpati apabila mereka ini sudah kekurangan sumber.<sup>12</sup>

Dalam pada itu, cabaran juga dihadapi oleh pembuat dasar (*policy maker*) terutamanya dalam membuat penetapan terhadap keperluan penutupan sempadan dan sekatan perjalanan. Walaupun wabak ini memerlukan tindakan tersebut dilakukan atas alasan kesihatan awam, ia mungkin digunakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang akan mendesak untuk mendapatkan pengecualian daripada langkah penutupan dan sekatan perjalanan tersebut.<sup>13</sup> Tindakan bagi menangani wabak Covid-19 juga dilihat membawa kepada ketidakadilan dalam situasi tertentu dan berlaku ketidaksamaan di pelbagai peringkat dalam pelaksanaan penutupan sempadan dan sekatan perjalanan. Kebimbangan juga timbul mengenai kesan jangka panjang terhadap kebebasan individu berikutan pelaksanaan tindakan ini oleh sesebuah negara dalam memerangi wabak ini.<sup>14</sup> Oleh itu, pembuat dasar perlu mengenal pasti strategi keluar (*exit policy*) yang berkesan dan menyeluruh dengan mengambil kira semua faktor ini walaupun pandemik ini belum berakhir sepenuhnya.<sup>15</sup>

Dapat dilihat bahawa Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah membawa negara yang bersempadanan untuk melaksanakan langkah penutupan sempadan bagi menangani ancaman wabak ini. Ini termasuk negara-negara di Eropah yang sebelumnya melaksanakan dasar sempadan terbuka (Kawasan Schengen). Walau bagaimanapun, disebabkan faktor keperluan ekonomi, langkah penutupan sempadan ini tidak kekal lama kerana memberikan impak negatif kepada ekonomi. Langkah penutupan sempadan ini juga walaupun bertujuan untuk mengekang penularan wabak di kalangan masyarakat namun ianya memberi kesan kepada kebebasan individu seperti kekangan pergerakan termasuk mengembara ke luar negara bagi tujuan tertentu. Selain daripada itu, ianya turut mewujudkan pertikaian melibatkan peruntukan undang-undang bagi mengekang wabak ini sehingga

berlaku tindakan mengenakan prosiding dan ligitasi besar-besaran oleh kumpulan/individu terhadap negara masing-masing.

Perbandingan pendekatan dan strategi Malaysia dengan negara lain juga telah menonjolkan keunikan negara dalam pendekatan yang diambil, di mana selain melaksanakan penutupan sempadan bagi membendung penularan pandemik Covid-19,<sup>16</sup> negara turut menubuhkan Pasukan Petugas Khas dalam meningkatkan aspek penyelarasan operasi kawalan dan penguatkuasaan di sempadan negara. Kemudian, pada 1 April 2022, Malaysia telah membuka sempadan yang ditutup sebelum ini kepada pengembara antarabangsa yang telah lengkap vaksinasi untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian Covid-19.<sup>17</sup>

### **Cabaran Keselamatan Di Sempadan Darat Dan Maritim Malaysia**

Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021–2025 yang dikeluarkan oleh MKN pada 7 Julai 2021 menyatakan bahawa kedudukan Malaysia yang strategik dan berkongsi sempadan dengan negara jiran menjadikan negara ini terdedah kepada ancaman bersifat rentas sempadan seperti penyeludupan (manusia, hidupan liar, hasil hutan, dadah, barangan bersubsidi dan senjata api), pemerdagangan manusia, ekstremisme dan keganasan serta pandemik/wabak penyakit. Aspek penguatkuasaan dan pengawalan sempadan yang ketika ini dipertanggungjawabkan kepada ATM, PDRM dan APMM dilihat tidak dapat membendung aktiviti pencerobohan di sebabkan oleh kekurangan anggota dan penggunaan teknologi yang tidak diaplikasi sepenuhnya.<sup>18</sup> Kerjasama keselamatan sempadan pula yang dilaksanakan oleh Malaysia dengan negara jiran melibatkan operasi kawalan bersama dan pertukaran maklumat perisikan tidak dapat menyelesaikan isu keselamatan di sempadan kerana wujudnya kelemahan dari aspek kemampuan dan keupayaan negara khususnya melibatkan tadbir urus keselamatan.<sup>19</sup>

Pada dasarnya, negara tidak boleh mengabaikan aspek keselamatan sempadan kerana boleh memberi kesan kepada ekonomi secara tidak langsung. Sebagai contoh apabila pencerobohan PATI berleluasa ia akan memberi kesan kepada sosio-ekonomi masyarakat atau komuniti di sempadan. Itu tidak termasuk aktiviti jenayah yang dilakukan oleh PATI dan ada di antara PATI yang berkemampuan mengambil alih aktiviti ekonomi tertentu di kawasan persempadanan.<sup>20</sup> Aktiviti penyeludupan yang berlaku di sempadan negara serta di pintu-pintu masuk negara jika tidak dicegah akan menyebabkan negara kehilangan sumber pendapatan. Ketirisan sumber pendapatan ini akan merencatkan usaha-usaha pembangunan negara dan menyebabkan segala bentuk perancangan kerajaan terbatas.<sup>21</sup>

DKN 2021-2025 juga telah menggariskan PATI sebagai salah satu ancaman keselamatan kerana kehadirannya bukan sahaja memberi kesan terhadap sosial, ekonomi, jenayah, politik dan hubungan diplomasi, namun ia juga berupaya untuk mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Cabaran negara kini apabila terpaksa mengimbangi keperluan keselamatan yang harus dilaksanakan dengan keperluan ekonomi di sempadan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada negara.<sup>22</sup> Sebagai contoh isu keselamatan sempadan di Pulau Sebatik melibatkan Malaysia dan Indonesia telah digunakan oleh sindiket bagi melakukan aktiviti penyeludupan dadah dan senjata. Kawalan yang longgar serta mudahnya mengumpukan anggota agensi keselamatan untuk menerima rasuah telah membantu merencanakan lagi penyeludupan di Pulau Sebatik. Aktiviti pemerdagangan orang juga cukup aktif di Pulau Sebatik menyedari ramai yang mahu masuk ke Sabah untuk bekerja.<sup>23</sup>

Situasi keselamatan sempadan di Pantai Timur Sabah khususnya selepas insiden pencerobohan 'Royal Sulu Army' pada 2013 sehingga tertubuhnya *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) di mana melalui ESSCOM semua agensi keselamatan termasuk ATM, PDRM, APMM dan JIM di atur gerak secara bersepadu melalui kordinasi operasi dan '*command and control*'. Ancaman yang dihadapi di sempadan Sabah melibatkan ancaman bukan tradisional daripada aktiviti jenayah rentas

sempadan (JRS) seperti penyeludupan manusia yang masuk secara haram melalui jalan-jalan yang tidak diwartakan. Faktor sempadan yang porus menyebabkan aktiviti JRS ini senang berlaku dan ESSCOM dilihat tidak mampu mengawal sempadan yang luas.<sup>24</sup>

Kajian terperinci perlu dilaksanakan dalam melihat keberkesanan kawalan sempadan oleh agensi-agensi keselamatan dan bagi mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi hingga menyebabkan ianya kurang berkesan. Walaupun terdapat kejayaan-kejayaan yang diperkatakan dalam kawalan sempadan negara, namun ianya tidak menggambarkan situasi sebenar yang berlaku di sempadan. Sebagai contoh, kejayaan anggota keselamatan menangkap PATI dan barangan penyeludupan hangat dipaparkan dalam media sosial dan berita namun hakikatnya PATI masih lagi mencero boh dan barangan juga diseludup secara berluasa melalui jalan-jalan tikus (tidak sah). Perkara ini memperlihatkan bahawa negara perlu mendalami faktor-faktor yang menyebabkan ianya tidak mampu dihentikan.

### **Penubuhan NTF Memperkukuh Kawalan Sempadan Negara**

Selepas Malaysia mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menutup sempadan negara bagi membendung penularan wabak Covid-19, beberapa siri pencerobohon oleh warga asing khususnya melibatkan pelarian Rohingya telah menimbulkan kekusaran Kerajaan akan wabak penyakit yang mungkin dibawa oleh pelarian tersebut ke dalam negara. Kemuncaknya apabila seramai 202 pelarian Rohingya mendarat di Langkawi pada 5 April 2020 telah menarik perhatian seluruh negara akan tahap kawalan dan penguatkuasaan sempadan negara yang dianggap lemah ketika itu. MKN yang diberi mandat mengetuai pengurusan Covid-19 telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan strategi menangani masalah tersebut dan akhirnya Perdana Menteri iaitu Muhyiddin Yassin melalui Perutusan Khas beliau pada 10 April 2020 telah menyatakan bahawa:

*Saya hendak beritahu, di sepanjang sempadan negara kita ini banyak terdapat lorong-lorong tikus. Pendatang asing tanpa izin biasanya bolos menerusi lorong-lorong ini. Jika kita tidak tingkatkan kawalan, mereka mungkin bolos dan membawa virus masuk ke negara kita. Na'uzubillah. Jadi, saya telah arahkan Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Imigresen, RELA dan lain-lain agensi berkaitan supaya perketatkan kawalan sepanjang sempadan negara.<sup>25</sup>*


Susulan daripada keputusan berkenaan, Mesyuarat Kluster Keselamatan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 3/2020 pada 23 April 2020 yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Ismail Sabri Yaakob telah bersetuju supaya satu pasukan khas *National Task Force* (NTF) ditubuhkan dengan diketuai oleh ATM dan diurusetikan oleh MKN. Seterusnya Mesyuarat Penyelarasan Teknikal Keselamatan Sempadan Negara Bilangan 1/2020 pada 24 April 2020 telah bersetuju supaya Panglima Armada Barat dilantik sebagai Komander NTF. Komander NTF berperanan dalam menyediakan konsep bersepadu *command and control* bagi pelaksanaan operasi. Selain ATM, agensi lain yang dipertanggungjawabkan untuk bekerjasama di bawah NTF adalah PDRM, APMM dan JIM. Pada masa yang sama, terdapat 12 agensi lain yang turut dilibatkan secara tidak langsung dalam NTF iaitu:

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
2. *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM);
3. Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
4. Jabatan Laut Malaysia;



5. Jabatan Sukarelawan Negara;
6. Jabatan Bomba dan Penyelamat;
7. Jabatan Perikanan Malaysia;
8. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN);
9. Jabatan Perhutanan Malaysia;
10. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM);
11. Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM); dan
12. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

NTF secara rasmi telah diaktifkan pada 6 Mei 2020 dan diberikan mandat untuk melaksanakan Ops Benteng bermula pada 12 Mei 2020 dengan misi untuk memperkukuh kawalan sempadan negara daripada kemasukan PATI, sama ada melalui jalan darat, laut dan udara serta bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Operasi NTF adalah berpandukan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Kanun Acara Jenayah, Akta Polis 1967 dan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004.<sup>26</sup> Operasi kawalan sempadan oleh NTF adalah menggunakan aset-aset sedia ada dari ATM, PDRM dan APMM, perkongsian maklumat perisikan daripada agensi berkaitan serta menggunakan konsep 6P iaitu Pencegahan (*Deter*), Pengesanan (*Detect*), Penghindaran (*Deny*), Pelencongan (*Detour*), Penahanan (*Detain*) dan Pengusiran (*Deportation*). Penggunaan kekerasan seperti melibatkan senjata api adalah dilarang sama sekali kecuali bagi tujuan mempertahankan diri.<sup>27</sup> NTF juga diamanahkan untuk membuat pemantauan dan pelaporan termasuk mengemukakan laporan harian kepada Panglima Angkatan Tentera (PAT) dan laporan mingguan kepada MKN di mana setiap insiden dan tindakan yang diambil hendaklah dicatat dan direkodkan. Secara ringkasnya, struktur organisasi NTF diketuai oleh PAT dan gerak kerja dilaksanakan oleh empat (4) agensi utama iaitu ATM, PDRM, APMM dan JIM yang bertindak sebagai ‘*Command Committee*’. PAT kemudiannya meletakkan tanggungjawab khusus kepada Panglima Armada Barat, yang dilantik sebagai Komander NTF untuk memberikan pengarahannya di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, melibatkan semua laluan iaitu darat, laut dan udara. Struktur organisasi NTF adalah seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Struktur Organisasi NTF  
 Sumber: Olahan Pengkaji dari Aris Tan Abdullah.<sup>28</sup>

## Hasil Analisis Kajian

Hasil analisis kajian oleh pengkaji mendapati secara keseluruhan, NTF dilihat berjaya mencapai objektif penubuhannya untuk memperkukuhkan kawalan sempadan negara dari kemasukan PATI yang melalui jalan darat, laut dan udara serta secara tidak langsung berupaya untuk mengekang penularan wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cabaran wujud yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kelancaran fungsi dan peranan NTF termasuk dari aspek pengurusan sumber manusia dan aset. Tugas dan tanggungjawab Kementerian/Agensi utama yang terlibat dengan NTF dan maklumat kejayaan serta cabaran dihadapi yang dikenalpasti oleh pengkaji secara lebih terperinci adalah seperti berikut:

### Peranan Agensi-Agensi Keselamatan di Bawah NTF

#### Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

ATM dipertanggungjawab untuk menyediakan konsep bersepadu *command and control* bagi pelaksanaan operasi harian NTF oleh agensi-agensi yang terlibat, menyelaraskan pengurusan kewangan (belanja mengurus dan pembangunan) berkaitan pengoperasian NTF serta melaksanakan pengisian perjawatan bagi NTF. Panglima Armada Barat yang dilantik sebagai Komander NTF juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan mengkoordinasi penggunaan aset-aset agensi keselamatan yang terlibat di bawah Ops Benteng khususnya daripada ATM, PDRM dan APMM termasuk menyediakan dan memperincikan keperluan aset tambahan agensi keselamatan dan penguatkuasaan serta perlu menyelaraskan perkongsian maklumat perisikan daripada agensi-agensi berkaitan dan menyelaraskan sistem komunikasi antara agensi di lapangan bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan. ATM juga bertanggungjawab untuk menangkap PATI atau pelarian yang masuk ke sempadan dan menghalau mereka untuk balik ke negara asal. Sekiranya ianya pelarian, ATM akan menyerahkannya kepada PDRM untuk diserahkan kepada JIM bagi tujuan penempatan sementara di depoh tahanan JIM.<sup>29</sup>

#### Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

PDRM membantu ATM dalam menyediakan aset-aset bagi pelaksanaan operasi dan penguatkuasaan serta turut menyediakan anggota-anggota melalui pengisian jawatan oleh KDN yang ditempatkan di NTF. Bagi operasi di lapangan, PDRM berfungsi untuk membawa PATI atau pelarian yang ditangkap oleh ATM untuk disiasat dan sekiranya ada unsur jenayah, PDRM akan membuat tangkapan dan diletakkan di pusat tahanan sementara (lokap), sementara menunggu siasatan mahkamah dibuat untuk disabitkan kesalahan atau dijatuhi hukuman sekiranya bersalah. Namun, sekiranya tangkapan adalah pelarian, PDRM akan menyerahkannya kepada pihak JIM untuk ditempatkan sementara di depoh tahanan JIM. PDRM melalui pasukan khas (*special branch*) juga bertanggungjawab membuat risikan dan menyalurkan maklumat kepada NTF. Risikan juga melalui kerjasama dengan jabatan lain seperti Jabatan Penyelidikan dan agensi lain yang mempunyai unit risikan. PDRM melalui unit Polis Marin juga membantu dalam operasi kawalan dan penguatkuasaan di kawasan operasi yang telah ditetapkan.<sup>30</sup>

### **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)**

APMM berperanan mengawal sempadan maritim dan antara tanggungjawab adalah menangkap PATI atau pelarian yang membuat percubaan masuk melalui jalan laut menggunakan bot. APMM terlebih dahulu akan membuat perancangan rapi dengan kerjasama TLDM, Polis Marin dan lain-lain bagi membuat siasatan awal jangkaan kemasukan PATI atau pelarian ini dan membuat *engagement* awal dengan pihak negara lain atau *counterpart* Malaysia di negara lain sebagai langkah menghalang bot tersebut berlepas dari negara asal. Tanggungjawab APMM adalah untuk menghalau bot tersebut untuk berpatah balik namun apabila berlaku kebocoran kapal/bot dan PATI atau pelarian tersebut terpaksa turun daripada bot dan dikhuatiri lemas, APMM perlu membawa mereka ke darat kerana Kerajaan memegang prinsip asas di peringkat antarabangsa iaitu '*non-refoulement*' di mana adalah menjadi tanggungjawab sesebuah negara untuk tidak menghantar pulang pelarian ke negara asal sekiranya Kerajaan menyedari bahawa pelarian ini akan dianiaya atau mungkin terbunuh di negara asal melainkan atas kerelaan pelarian itu sendiri (*voluntary return*). Apabila situasi ini berlaku, APMM perlu menyerahkan mereka kepada pihak JIM untuk ditempatkan ke depoh tahanan JIM.<sup>31</sup>

### **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**

JIM bertanggungjawab dalam hal ehwal berkaitan dokumen warga asing yang melalui sempadan sama ada mereka mempunyai dokumen yang sah atau tidak. Di laluan pintu masuk, petugas JIM bertanggungjawab untuk memastikan warga asing yang melaluinya mempunyai dokumen yang sah. Namun apabila tangkapan PATI atau pelarian dibuat oleh pihak ATM dan PDRM di sempadan darat atau oleh APMM di sempadan maritim, mereka ini akan diserahkan kepada pihak JIM dan pihak JIM perlu menguruskan mereka untuk ditempatkan di depoh tahanan JIM. Kemudian pihak JIM perlu memanggil pihak Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (*United Nations High Commissioner for Refugees - UNHCR*) untuk membuat temubual bagi tujuan penyediaan kad UNHCR atau penghantaran balik ke negara asal / penempatan semula ke negara ketiga.<sup>32</sup>

### **Kementerian Pertahanan (MINDEF)**

MINDEF bertanggungjawab melaksanakan pengisian perjawatan untuk NTF bagi pihak ATM. MINDEF juga berperanan dalam kerjasama berkaitan dasar dengan pihak MKN dalam menentukan halatuju dan perancangan pelaksanaan NTF dan Ops Benteng. MINDEF juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan dana untuk kegunaan operasi NTF dan mengadakan perbincangan berkala dengan MKN selaku urusetia mesyuarat dan memastikan ATM membuat dan menyediakan pelaporan mengenai aktiviti yang dijalankan pada setiap mesyuarat yang diadakan. MINDEF juga perlu memastikan aset bagi operasi NTF oleh ATM dan agensi lain adalah mencukupi dan mengambil langkah-langkah yang efisien bagi menyelesaikan masalah-masalah yang wujud dalam pelaksanaan operasi dan penguatkuasaan NTF. MINDEF juga bertanggungjawab untuk memastikan ATM dan agensi lain di bawahnya menjalankan tugas mengikut akta dan arahan yang ditetapkan.<sup>33</sup>

### **Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

KDN bertanggungjawab untuk membantu NTF dari aspek perjawatan bagi melengkapkan anggota NTF yang mana juga memerlukan *focal point* PDRM sebagai agensi yang turut dipertanggungjawabkan dalam NTF serta menyediakan aset yang mencukupi bagi tujuan operasi dan penguatkuasaan. KDN



## Ops Benteng

juga bertanggungjawab untuk menyelaras perkara-perkara serta isu dan masalah berkaitan jabatan dibawahnya yang terlibat dengan NTF seperti PDRM, JIM dan APMM serta berkongsi maklumat dengan MKN dan MINDEF dalam hal ehwal dasar berkaitan NTF. KDN juga perlu melaksanakan mesyuarat dalaman dengan agensi-agensi di bawahnya sekiranya perlu bagi mengumpul pelaporan yang lengkap dan lebih sistematik untuk dilaporkan dalam mesyuarat utama NTF yang diurusetikan oleh MKN. KDN juga bertanggungjawab dalam urusan pintu masuk di sempadan darat dan maritim di mana agensi-agensi di bawah KDN seperti PDRM dan JIM juga bertugas di pintu masuk dan KDN perlu mengenalpasti pintu masuk yang sah termasuk menguruskan pewartaan pintu masuk dan pembangunan infrastruktur di pintu masuk sempadan.<sup>34</sup>

## Majlis Keselamatan Negara (MKN)

MKN sebagai agensi penyelaras utama keselamatan negara dan merupakan penyelaras bagi isu pandemik Covid-19, yang bertanggungjawab dalam urusan berkaitan dasar dan arahan gerakan keselamatan serta bertindak sebagai sekretariat bagi NTF. MKN bertanggungjawab untuk mengadakan mesyuarat secara berkala bagi tujuan memantau status pengoperasian dan penguatkuasaan oleh NTF dalam Ops Benteng dan isu-isu lain yang berkaitan. MKN juga perlu menyelaras isu dan masalah yang wujud dalam NTF di antara agensi-agensi keselamatan dengan kementerian-kementerian yang berkaitan serta menyediakan kertas dasar mengenai keputusan-keputusan NTF yang perlu mendapat keputusan peringkat tertinggi. MKN juga akan menilai kembali dan mengemaskini akta atau arahan agar ianya bersesuaian dengan gerak kerja operasi dalam Ops Benteng apabila terdapat keperluan mengenainya. MKN juga bertanggungjawab dalam mengeluarkan pengarahannya kepada agensi-agensi yang bertugas di sempadan dan mengemaskininya mengikut kesesuaian situasi ancaman kontemporari.<sup>35</sup>

## Gerak Kerja Dan Kejayaan Ops Benteng Dalam Mengawal Sempadan Negara

Bermula penubuhan NTF sehingga 28 Februari 2021, NTF telah menyelaras pelaksanaan Ops Benteng yang melibatkan seramai 974 pegawai dan 13,361 anggota daripada 19 buah agensi. Pecahan adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pecahan Jumlah Anggota NTF Bertugas Dalam Operasi Ops Benteng

Bentuk Operasi	Jumlah Anggota
Operasi Maritim	70 pegawai dan 1,394 anggota
Operasi Darat	557 pegawai dan 11,773 anggota
Operasi Udara	217 pegawai dan 194 anggota
Operasi <i>Eastern Sabah Security Zone</i> (ESSZone)	168 pegawai dan 3,320 anggota

Sumber: Laporan Penubuhan NTF oleh MKN pada 15 Mac 2021.

Selain itu, NTF turut menyelaras aset bagi Ops Benteng melibatkan 54 buah kapal dan 179 bot pemintas, 453 aktiviti Sekatan Jalan Raya dan 5,807 *sorties* bagi operasi penerbangan dan penugasan dron yang meliputi 6,525 jam penerbangan. Bilangan pegawai, aset dan aktiviti yang diselaraskan adalah berbeza dari minggu ke minggu bergantung kepada situasi semasa. Penyelarasan aset bagi Ops Benteng ditunjukkan seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pecahan aset dan aktiviti dalam operasi Ops Benteng

Aset dan Aktiviti	Jumlah Aset dan Aktiviti
Kapal	54 buah kapal
Bot Pemintas	179 bot pemintas
Sekatan Jalan Raya	453 sekatan jalan raya
Operasi Penerbangan	5,807 sorties
Penugasan Dron	6,525 jam penerbangan

Sumber: Laporan Penubuhan NTF oleh MKN pada 15 Mac 2021.

Dalam pada itu, bilangan pegawai, aset dan aktiviti yang diselaraskan adalah berbeza dari minggu ke minggu bergantung kepada situasi semasa. Penubuhan NTF telah memberikan impak yang positif dalam kawalan sempadan bagi pengekangan kemasukan PATI dan penyeludupan barangan ke dalam negara. Sebagai perbandingan, statistik penangkapan PATI di Selangor pada Mei hingga Disember 2019 adalah jauh lebih rendah berbanding penangkapan PATI dalam tempoh yang sama pada tahun 2020 di bawah Ops Benteng yang mana telah menunjukkan peningkatan melebihi 13 kali ganda. Begitu juga dengan bilangan dan nilai rampasan barangan pada Mei hingga Disember 2019 yang menunjukkan peningkatan lebih 7 kali ganda bagi tempoh Mei hingga Disember 2020 di bawah Ops Benteng. Kejayaan ini dapat dilihat seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Perbezaan Tangkapan PATI Dan Rampasan Barangan Penyeludupan Pada Tahun 2019 Dengan 2020

Mei hingga Disember 2019	Mei hingga Disember 2020	Perbezaan
147 orang tangkapan PATI	1,983 orang tangkapan PATI	13 kali ganda tahun 2020
9 kes rampasan bernilai RM1,558,500.00	195 kes rampasan bernilai RM11,394,587.87	7 kali ganda tahun 2020

Sumber: Laporan Penubuhan NTF oleh MKN pada 15 Mac 2021.

Berdasarkan statistik-statistik di atas menunjukkan bahawa operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang dilaksanakan oleh NTF di bawah Ops Benteng telah berjaya mencapai objektif yang digariskan iaitu untuk mengekang kemasukan PATI ke dalam negara dengan berkesan. Di samping itu, NTF juga berjaya membanteras jenayah rentas sempadan lain dan memperkukuhkan keselamatan sempadan negara sekaligus memberikan imej yang positif kepada negara Malaysia. Sebelum NTF ditubuhkan, dilihat setiap agensi menjalankan tugas kawalan dan penguatkuasaan di sempadan seperti yang ditetapkan namun ianya tidak menunjukkan keberkesanan seperti yang ditunjukkan oleh NTF. Menurut Sahipulhijaiman bin Sulaiman,<sup>36</sup> situasi ini berlaku kerana agensi-agensi keselamatan yang lain dilihat terlalu selesa dengan situasi di sempadan dan berada dalam *comfort zone*.

### Isu Dan Cabaran Penubuhan NTF

Dalam melaksanakan peranan dan fungsinya dengan berkesan, NTF sedar bahawa penubuhannya adalah sebagai sebuah pasukan petugas khas bersifat sementara yang dianggotai oleh anggota dan pegawai dari agensi-agensi keselamatan berkaitan. Dalam hal ini, status dan kaedah pengoperasian NTF adalah hampir sama seperti jawatankuasa-jawatankuasa khas yang ditubuhkan di Kementerian/ Agensi untuk menangani isu tertentu dalam tempoh masa yang ditetapkan. Oleh yang demikian,

## Ops Benteng

terdapat beberapa isu dan cabaran yang telah dikenal pasti susulan daripada penubuhan NTF ini baik dalam konteks pengurusan organisasi melibatkan perjawatan dan peruntukan kewangan, mahupun dalam konteks pertindihan fungsi dengan agensi-agensi sedia ada.

Antara isu dan cabaran dalam penubuhan NTF adalah kesukaran untuk menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran seperti pengurusan sumber manusia, aset dan peruntukan. Dalam hal ini, NTF bergantung sepenuhnya kepada sumber yang boleh diberikan oleh Kementerian/Agensi yang menganggotai NTF dan ini menyukarkan perancangan sumber dilaksanakan. Sebagai contoh untuk urusan sumber manusia, adalah sukar untuk NTF mewujudkan perjawatan sendiri untuk tugas penyelarasan dan pentadbiran memandangkan ia bukanlah sebuah organisasi. Sehubungan itu, NTF perlu menggunakan pegawai daripada agensi utama yang menganggotai NTF seperti ATM, PDRM dan JIM. Perkara ini menyebabkan pegawai-pegawai berkenaan perlu menjalankan dua tugas dalam masa yang sama iaitu tugas hakiki di agensi asal dan juga tugas tambahan di bawah NTF. Ini telah menambahkan beban tugas dan boleh menjejaskan produktiviti pegawai berikutan tidak dapat memberikan tumpuan penuh sama ada kepada tugas hakiki mahupun tugas tambahan di NTF. Selain itu, terdapat juga isu di mana Kementerian/Agensi yang enggan melepaskan pegawai untuk menjalankan tugas berkaitan NTF secara sepenuh masa memandangkan kekurangan pegawai di Kementerian/Agensi asal.

Selain itu, terdapat kekangan dalam perkara berkaitan pengurusan aset di mana status NTF yang tidak dibenarkan untuk menerima sebarang peruntukan dan aset juga tidak boleh didaftarkan di bawah NTF. Oleh yang demikian, Kementerian/Agensi di bawah NTF akan memohon aset tambahan menggunakan peruntukan sedia ada masing-masing tetapi menggunakan NTF sebagai salah satu justifikasi permohonan. NTF hanya berperanan sebagai penyelarasan untuk proses permohonan dan tidak mempunyai kuasa untuk mengurus atau menyelaras penggunaan aset-aset yang dipohon tersebut. Dalam hal ini, penggunaan aset-aset yang dipohon oleh agensi dengan menggunakan NTF sebagai justifikasi, adalah tertakluk kepada budi bicara agensi-agensi berkenaan. Selain itu, aset tersebut juga boleh digunakan untuk operasi/ tugas selain berkaitan NTF dan ini boleh memberi kesan kepada ketersediaan (*availability*) aset-aset berkenaan sekiranya diperlukan serentak pada satu-satu masa.

Kemudian, status NTF sebagai pasukan petugas bersepadu menyukarkan pewujudan apa-apa pembangunan berbentuk fizikal seperti penubuhan pos gabungan bagi menempatkan anggota-anggota dari pelbagai agensi keselamatan. Sebagai contoh, NTF pernah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan Pos Gabungan Keselamatan di Pulau Ketam, Selangor secara Pos Terapung (*Floating Barge*) bagi mempercepatkan *response time* untuk Ops Benteng dilaksanakan. Ini kerana, NTF mengenal pasti bahawa berlaku banyak pencerobohan oleh PATI di perairan tersebut dan menjadi *hotspot* bagi penyeludupan barangan dan manusia. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenainya tertangguh agak lama khususnya berkaitan dengan agensi yang bertanggung jawab untuk menyelaras penubuhan pos gabungan ini termasuklah pengurusan, perolehan, pemantauan dan penyelenggaraan memandangkan ia perlu didaftarkan di bawah agensi tertentu. Akhirnya, penubuhan Pos Terapung Ops Benteng ini tetap juga berlaku setelah diangkat kepada peringkat yang lebih tinggi.

Seterusnya, terdapat kesukaran untuk NTF bagi merancang hala tuju dan langkah susulan bagi operasi NTF. Ini adalah kerana NTF perlu memastikan perancangannya tidak bertindih dengan fungsi dan peranan sedia ada kementerian dan agensi yang menganggotai NTF. Sebagai contoh, NTF berperanan untuk mengekang kemasukan PATI ke dalam negara termasuk menggunakan kaedah tangkapan. Walau bagaimanapun, NTF tidak mempunyai peranan dalam pengurusan PATI berkenaan memandangkan ianya di bawah bidang kuasa JIM. Sehubungan itu, sebarang masalah yang timbul berikutan penangkapan PATI berkenaan seperti kesesakan di Depoh Tahanan Imigresen, proses penghantaran pulang dan sebagainya perlu diselesaikan oleh JIM. Dalam hal ini, NTF hanya boleh memberikan pandangan berhubung cadangan penyelesaian tetapi keputusan pelaksanaan adalah

tertakluk kepada agensi berkaitan.

Isu pertindihan fungsi dan peranan bukan sahaja timbul di kalangan kementerian dan agensi tetapi juga di kalangan jawatankuasa sedia ada sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri. NTF perlu memastikan cadangan penyelesaian yang dikemukakan tidak bertindih dengan peranan atau fungsi jawatankuasa sedia ada. Sebagai contoh, NTF telah mencadangkan penubuhan Langkawi *Task Force* (LTF) untuk mengekang aktiviti penyeludupan, mengatasi masalah PATI, menyekat aktiviti penyalahgunaan dadah dan lain-lain aktiviti jenayah yang telah menjadikan Pulau Langkawi sebagai pusat tumpuan. Walau bagaimanapun, penyelarasan aktiviti penguatkuasaan telahpun dilaksanakan melalui Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) dan Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri (JPGN) bagi negeri Kedah. Dalam masa yang sama, fungsi LTF yang dicadangkan adalah sama dengan fungsi semasa NTF yang tidak memerlukan satu pasukan petugas bersepadu yang khusus. Sekiranya LTF ditubuhkan, ia akan menjadi *precedent* untuk penubuhan bersepadu khusus di kawasan lain.

### **Langkah-Langkah Penambahbaikan Yang Telah Dilaksanakan**

Walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan NTF, namun tidak dapat dinafikan bahawa NTF telah melaksanakan fungsi dan peranannya dengan berkesan dan ianya terbukti melalui kejayaan-kejayaan yang diperolehi NTF dalam Ops Benteng. Ini dibuktikan dengan statistik operasi tangkapan dan rampasan yang dilaksanakan sejak ia ditubuhkan. Sebagai sebuah organisasi yang baru, beberapa langkah penambahbaikan segera telah dilaksanakan khususnya berkaitan pengurusan dan pentadbiran NTF. MKN sebagai agensi penyelarasan utama keselamatan negara telah bertindak sebagai perunding dan pemudah cara di antara kementerian dan agensi yang menganggotai NTF serta memainkan peranan yang sangat aktif dalam menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh NTF melalui perbincangan secara berkala, mengadakan sesi libat urus dan menjalankan pemantauan di lapangan dari masa ke semasa.

Dalam hubungan ini, beberapa langkah penambahbaikan telah dilaksanakan oleh NTF dan juga MKN selaku agensi yang menyelaras keperluan penubuhan NTF ini. Antaranya adalah dengan mengemukakan cadangan penubuhan NTF kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memastikan keperluan perjawatan dan status NTF sebagai sebuah organisasi dilaksanakan mengikut saluran yang betul/rasmi. Kemudian, beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan oleh MKN dan NTF bersama-sama dengan kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan isu-isu berkaitan perjawatan NTF dapat diselesaikan sebelum dikemukakan kepada JPA untuk kelulusan. Dalam pada itu, MKN turut menyelaras keperluan aset kementerian dan agensi yang terlibat dengan Ops Benteng termasuk menilai dan memperakukan semua permohonan aset oleh kementerian dan agensi tersebut supaya bersesuaian dengan objektif penubuhan NTF. Sepanjang penubuhan NTF, MKN telah menyelaras permohonan aset oleh kementerian dan agensi berkaitan untuk tempoh 2020 dan 2021 termasuk mengemukakan permohonan peruntukan aset tersebut kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Selain daripada itu, berikutan kejayaan NTF dalam menyelaraskan aktiviti pengukuhan kawalan sempadan negara dari kemasukan PATI serta aktiviti rentas sempadan yang lain, satu kajian lain boleh dilaksanakan untuk meneliti kemungkinan menubuhkan semula NTF dengan perubahan model penubuhan sebagai sebuah organisasi tetap. Dalam hal ini, terdapat cadangan daripada MKN supaya konsep penubuhan NTF diwujudkan semula dan diletakkan di bawah Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan (JPGK) yang dipengerusikan secara bersama oleh PAT dan Ketua Polis Negara serta diurusetikan oleh Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPON), MKN.<sup>37</sup> Sekiranya penubuhan NTF diteruskan, maka mesyuarat JPGK akan dilaksanakan lebih kerap bagi memastikan

## Ops Benteng

aspek perancangan operasi dan pemantauan dilaksanakan dengan berkesan antara agensi-agensi keselamatan (*operation level*) manakala penglibatan MKN menerusi PPON penting khususnya di peringkat strategik (*strategic level*). Dalam hal ini, MKN dilihat mempunyai kelebihan sebagai agensi peneraju yang boleh menyelaras semua agensi-agensi keselamatan termasuk ATM dan PDRM.<sup>38</sup>

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Malaysia telah menunjukkan usaha dan inisiatif yang proaktif dalam menangani penularan pandemik Covid-19 melalui strategi penutupan sempadan dan pengukuhan aktiviti kawalan sempadan seperti mana yang dilaksanakan oleh negara-negara lain di seluruh dunia. Dalam memastikan aspek penyelarasan antara agensi-agensi keselamatan berkesan, strategi yang diambil oleh Malaysia adalah dengan menubuhkan NTF bagi pelaksanaan Ops Benteng. Ops Benteng telah menunjukkan beberapa siri kejayaan yang mana telah berjaya menunjukkan peningkatan berganda dalam penahanan dan penangkapan PATI di sempadan serta peningkatan berganda dalam rampasan dan nilai barangan yang diseludup di sempadan darat dan maritim. Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan yang diperolehi, terdapat isu dan cabaran yang di hadapi oleh NTF, terutamanya dalam aspek tadbir urus. Antara isu dan cabaran yang dihadapi adalah cabaran bagi Kementerian/Agensi untuk menempatkan anggota mereka dihantar bertugas ke NTF dan menyebabkan kekurangan anggota untuk tugas lain yang telah ditetapkan sebelum ini.

Selain itu, penubuhan NTF yang bersifat sementara juga menyukarkan proses permohonan peruntukan bagi perbelanjaan aktiviti operasi dan pertambahan aset kerana walaupun asas NTF untuk menggunakan aset sedia ada tetapi masih terdapat kesukaran kerana ianya perlu dikongsi dengan tugas lain di bawah Kementerian/Agensi berkenaan. Pertindihan kuasa dan fungsi juga merupakan satu cabaran kerana NTF mempunyai bidang kuasa yang terhad untuk bertindak apabila fungsi tersebut merupakan fungsi hakiki sesebuah Kementerian/Agensi yang telah ditetapkan sebelum penubuhan NTF lagi. Oleh yang demikian, pihak Sekretariat NTF khususnya MKN perlu mengambil langkah holistik bagi memastikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh NTF ini dapat diselesaikan seterusnya membantu meningkatkan keselamatan di sempadan negara. Kementerian/Agensi yang terlibat juga perlu berganding bahu dan bertolak ansur dalam melaksanakan tugas kawalan sempadan, dalam erti kata menjalankan operasi bersepadu yang lebih terbuka dan tidak bergerak secara silo, mengurangkan karenah birokrasi serta meningkatkan perkongsian dalam pelbagai aspek termasuk maklumat, aset, anggota dan sebagainya yang perlu demi keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan negara Malaysia.

Walaupun ketika ini NTF telah dibubarkan secara rasminya pada 31 Disember 2022, namun penubuhan NTF dalam memperkukuhkan kawalan sempadan negara telah melakar sejarah tersendiri apabila telah berjaya membentuk satu paradigma baharu dalam pengurusan keselamatan sempadan negara melalui gabungan pelbagai agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan dalam satu operasi bersepadu pada skala yang besar selaras dengan pandangan penulis bahawa “sempadan tidak akan dibolosi dengan kerjasama yang jitu dari semua pihak.”

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* (Jebat), yang membantu penerbitan artikel ini serta penghargaan juga kepada pegawai daripada MINDEF, KDN dan MKN, yang sudi ditemubual.



## Nota

- <sup>1</sup> K. Laitinen. 2003. "Geopolitics of the Northern Dimensions: A Critical View of Border Studies," *Geopolitics* 8, no. 1: 30.
- <sup>2</sup> Rey Koslowski. 2011. "The Evolution of Border Controls as a Mechanism to Prevent Illegal Immigration," *Migration Policy Institute*.
- <sup>3</sup> Karine Cote-Boucher & Federica Infantino & Mark B. Salter. 2014. "Border Security as Practice: An Agenda for Research," *Security Dialogue* 45, no. 3: 195-208.
- <sup>4</sup> Ersel Aydinli. 2010. "Adaptive states and the new transnational security regime. Emerging Transnational (In) security Governance," *Security and Governance Series*.
- <sup>5</sup> Otwin Marenin & Arif Akgul. 2010. "Theorizing transnational cooperation on the police and intelligence fields of security," *In Emerging Transnational (In) security Governance*, 118-139, Routledge.
- <sup>6</sup> Kevin Linka & Mathias Peirlinck & Francisco Sahli Costabal & Ellen Kuhl. 2020. "Outbreak Dynamics Of COVID-19 In Europe And The Effect Of Travel Restrictions," *Computer methods in biomechanics and biomedical engineering* 23, no. 11: 710-717.
- <sup>7</sup> Serghei Golunov & Vera Smirnova. 2022. "Russian border controls in times of the COVID-19 pandemic: Social, political, and economic implications," *Problems of Post-Communism* 69, no. 1: 71-82.
- <sup>8</sup> Omotomilola Ikotun & Allwell Akhigbe & Samuel Okunade. 2021. "Sustainability of borders in a post-COVID-19 world," *Politikon* 48, no. 2: 297-311.
- <sup>9</sup> Berita Harian. 2020. "WHO isytihar wabak COVID-19 pandemik," Jun 8. Accessed May 23, 2023. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>
- <sup>10</sup> Omotomilola Ikotun & Allwell Akhigbe & Samuel Okunade. 2021. "Sustainability of borders in a post-COVID-19 world," *Politikon* 48, no. 2: 297-311.
- <sup>11</sup> Serghei Golunov & Vera Smirnova. 2022. "Russian border controls in times of the COVID-19 pandemic: Social, political, and economic implications," *Problems of Post-Communism* 69, no. 1: 71-82.
- <sup>12</sup> MyMetro. 2022. "17,000 pelancong Rusia, Ukraine 'tersadai' di Republik Dominika," Mac 3. Accessed May 23, 2023. <https://www.hmetro.com.my/global/amerika-utara/2022/03/816488/17000-pelancong-rusia-ukraine-tersadai-di-republik-dominika>
- <sup>13</sup> Omotomilola Ikotun & Allwell Akhigbe & Samuel Okunade. 2021. "Sustainability of borders in a post-COVID-19 world," *Politikon* 48, no. 2: 297-311.
- <sup>14</sup> Anna Casaglia. 2021. "Borders and Mobility Injustice in the Context of the COVID-19 Pandemic," *Journal of Borderlands Studies* 36, no. 4: 695-703.
- <sup>15</sup> Kevin Linka & Mathias Peirlinck & Francisco Sahli Costabal & Ellen Kuhl. 2020. "Outbreak dynamics of COVID-19 in Europe and the effect of travel restrictions (preprint)," *Computer methods in biomechanics and biomedical engineering* 23, no. 11: 710-717.
- <sup>16</sup> Bernama. 2020. "Tutup sempadan tindakan tepat Muhyiddin," Jun 8. Accessed May 24, 2023.
- <sup>17</sup> Laman Rasmi Pejabat Perdana Menteri. 2022. "Pembukaan Semula Sempadan Laluan Darat," *Kenyataan Media Bersama Ismail Sabri Yaakob Perdana Menteri Malaysia dan Lee Hsien Loong Perdana Menteri Republik Singapura*, Mac 24. Accessed May 24, 2023. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/KENYATAAN-MEDIA-PEMBUKAAN-SEMPADAN-DARAT-MALAYSIA-SINGAPURA.pdf>
- <sup>18</sup> Ramli Dollah & Wan Shawaluddin Wan Hassan & Diana Peters & Zaini Othman. 2016. "Old Threats, New Approach and National Security in Malaysia: Issues and Challenges in Dealing With Cross-border Crime in East Coast of Sabah," *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7, no. 3.
- <sup>19</sup> Mohd Zaini Salleh & Adam Leong Kok Wey. 2018. "Shut the Door! Military Cooperation at the Borders: Malaysian Initiatives and Capabilities," *Zulfaqr Int. J. Def. Mgt. Soc. Sci. Hum* 1, no. 1: 1-10.
- <sup>20</sup> Suhaili Abdul Rahman & Kamarulnizam Abdullah. 2018. "Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3, no. 5: 55-67.

## Ops Benteng

- <sup>21</sup> Majlis Keselamatan Negara. 2021. "Dasar Keselamatan Negara 2021-2025," July 7. Accessed May 25, 2023.
- <sup>22</sup> Abdul Rahim Anuar & Azhar Harun. 2019. "Malaysia-Indonesia Cross-Border Governance: Is There a Trade-off between Security and Economic Development?," *Journal of International Studies*, no. 15: 21-34.
- <sup>23</sup> Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2020. "Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia," *Jurnal Kinabalu* 26, no. 2: 355-380.
- <sup>24</sup> Ramli Dollah & Wan Shawaluddin Wan Hassan & Diana Peters & Zaini Othman. 2016. "Old Threats, New Approach and National Security in Malaysia: Issues and Challenges in Dealing With Cross-border Crime in East Coast of Sabah," *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7, no. 3.
- <sup>25</sup> Berita Harian. 2020. "Teks penuh Perutusan Khas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin," April 10. Accessed May 25, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675518/teks-penuh-perutusan-khas-perdana-menteri-tan-sri-muhyiddin-yassin>
- <sup>26</sup> Majlis Keselamatan Negara. 2021. "Laporan Penubuhan NTF," *Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim*, Mac 15. Accessed June 7, 2023.
- <sup>27</sup> Aris Tan bin Abdullah. 2021. "Covid-19 Border Security Management Issues and Challenges For Malaysia - NTF Perspective," *Presentation Paper*, September 9.
- <sup>28</sup> Aris Tan bin Abdullah. 2021. "Covid-19 Border Security Management Issues and Challenges For Malaysia - NTF Perspective," *Presentation Paper*, September 9. Struktur Organisasi NTF, Olahan pengkaji.
- <sup>29</sup> Majlis Keselamatan Negara. 2021. *Bahagian Perisikan dan Pengurusan Krisis Negara (BPPKN)*. Accessed June 7, 2023.
- <sup>30</sup> Ibid.
- <sup>31</sup> Ibid.
- <sup>32</sup> Ibid.
- <sup>33</sup> Ibid.
- <sup>34</sup> Ibid.
- <sup>35</sup> Ibid.
- <sup>36</sup> Sahipulhijaiman bin Sulaiman. 2023. "Timbalan Setiausaha, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, MINDEF, Kuala Lumpur," Interview by Shahrizal bin Sa'ad, *PhD Candidate*, UKM, January 25.
- <sup>37</sup> Azizah binti Mohamed Said. 2023. "Pengaruh Bahagian Pengurusan Sempadan Darat (BPSD), MKN, Putrajaya," Interview by Shahrizal bin Sa'ad, *PhD Candidate*, UKM, January 12.
- <sup>38</sup> Shamril Faizalis bin Shamsul Bahari. 2023. "Timbalan Setiausaha II, Bahagian Keselamatan, KDN, Putrajaya," Interview by Shahrizal bin Sa'ad, *PhD Candidate*, UKM, January 17.

## Rujukan

- Abdul Rahim Anuar & Azhar Harun. 2019. "Malaysia-Indonesia Cross-Border Governance: Is There a Trade-off between Security and Economic Development?," *Journal of International Studies*, no. 15: 21-34.
- Aris Tan bin Abdullah. 2021. "Covid-19 Border Security Management Issues and Challenges For Malaysia - NTF Perspective," *Presentation Paper*, September 9.
- Aydinli, E. 2010. "Adaptive states and the new transnational security regim," *In Emerging Transnational (In) security Governance*, 189-195. Routledge.
- Azizah binti Mohamed Said. 2023. "Pengaruh Bahagian Pengurusan Sempadan Darat (BPSD), MKN, Putrajaya," Interview by Shahrizal bin Sa'ad, *PhD Candidate*, UKM, January 12.
- Berita Harian. 2020. "Teks penuh Perutusan Khas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin," April 10. Accessed May 25, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675518/teks-penuh-perutusan-khas-perdana-menteri-tan-sri-muhyiddin-yassin>.

- Berita Harian. 2020. "WHO isytihar wabak COVID-19 pandemik," Jun 8. Accessed May 23, 2023. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>.
- Bernamea. 2020. "Tutup sempadan tindakan tepat Muhyiddin," Jun 8. Accessed May 24, 2023. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/587303/tutup-sempadan-tindakan-tepat-muhyiddin>.
- Casaglia, A. 2021. "Borders and Mobility Injustice in the Context of the COVID-19 Pandemic," *Journal of Borderlands Studies* 36, no. 4: 695-703.
- Cote-Boucher, K. & Infantino, F. & Salter, M. B. 2014. "Border security as practice: An agenda for research," *Security Dialogue* 45, no. 3: 195-208. <https://doi.org/10.1177/0967010614533243>.
- Golunov, S. & Smirnova, V. 2022. "Russian border controls in times of the COVID-19 pandemic: Social, political, and economic implications," *Problems of Post-Communism* 69, no. 1: 71-82.
- Gulzau, F. 2021. "A "new normal" for the Schengen area. When, where and why do member states reintroduce temporary border controls?," *Journal of Borderlands Studies*, 1-19.
- Ikotun, O. & Akhigbe, A. & Okunade, S. 2021. "Sustainability of borders in a post-COVID-19 world," *Politikon* 48, no. 2: 297-311.
- Koslowski, R. 2011. "The evolution of border controls as a mechanism to prevent illegal immigration," *Migration Policy Institute, Washington, DC*.
- Laitinen, K. 2003. "Geopolitics of the Northern Dimensions: a Critical View of Border Studies," *Geopolitics* 8, no. 1: 30.
- Laman Rasmi Pejabat Perdana Menteri. 2022. "Pembukaan Semula Sempadan Laluan Darat," *Kenyataan Media Bersama Ismail Sabri Yaakob Perdana Menteri Malaysia dan Lee Hsien Loong Perdana Menteri Republik Singapura*, Mac 24. Accessed May 24, 2023. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/KENYATAAN-MEDIA-PEMBUKAAN-SEMPADAN-DARAT-MALAYSIA-SINGAPURA.pdf>.
- Linka, K. & Peirlinck, M. & Sahli Costabal, F. & Kuhl, E. 2020. "Outbreak dynamics of COVID-19 in Europe and the effect of travel restrictions," *Computer methods in biomechanics and biomedical engineering* 23, no. 11: 710-717.
- Majlis Keselamatan Negara. 2021. *Bahagian Perisikan dan Pengurusan Krisis Negara (BPPKN)*. Accessed June 7, 2023.
- Majlis Keselamatan Negara. 2021. "Dasar Keselamatan Negara 2021-2025," July 7. Accessed May 25, 2023.
- Majlis Keselamatan Negara. 2021. "Laporan Penubuhan NTF," *Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim*, Mac 15. Accessed June 7, 2023.
- Marenin, O. & Akgul, A. 2010. "Theorizing transnational cooperation on the police and intelligence fields of security," *In Emerging Transnational (In) security Governance*, 118-139. Routledge.
- Mohd Zaini Salleh & Adam Leong Kok Wey. 2018. "Shut the Door! Military Cooperation at the Borders: Malaysian Initiatives and Capabilities," *Zulfaqqar Int. J. Def. Mgt. Soc. Sci. Hum.* 1, no. 1: 1-10.
- MyMetro. 2022. "17,000 pelancong Rusia, Ukraine 'tersadai' di Republik Dominika," Mac 3. Accessed May 23, 2023. <https://www.hmetro.com.my/global/amerika-utara/2022/03/816488/17000-pelancong-rusia-ukraine-tersadai-di-republik-dominika>.
- Ramli Dollah & Wan Shawaluddin Wan Hassan & Diana Peters & Zaini Othman. 2016. "Old Threats, New Approach and National Security in Malaysia: Issues and Challenges in Dealing With Cross-border Crime in East Coast of Sabah," *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7, no. 3.

Ops Benteng

- Sahipulhijaiman bin Sulaiman. 2023. "Timbalan Setiausaha, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, MINDEF, Kuala Lumpur," Interview by Shahrizal bin Sa'ad, *PhD Candidate*, UKM, January 25.
- Shamril Faizalis bin Shamsul Bahari. 2023. "Timbalan Setiausaha II, Bahagian Keselamatan, KDN, Putrajaya," Interview by Shahrizal bin Sa'ad, *PhD Candidate*, UKM, January 17.
- Suhaili Abdul Rahman & Kamarulnizam Abdullah. 2018. "Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3, no. 5: 55-67.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2020. "Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia," *Jurnal Kinabalu* 26, no. 2: 355-380.